



## PERTANDINGAN PENYELIDIKAN & PENULISAN SEJARAH

### MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini dianjurkan oleh **Pustaka Negeri Sarawak**.
2. Penyertaan terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA yang BERMASTAUTIN DI SARAWAK sahaja.**
3. Penyertaan hendaklah dihantar pada **1 Ogos 2020 sehingga 31 Ogos 2020.**
4. Penyertaan adalah **percuma**.
5. Penyertaan & penulisan hendaklah dihantar melalui borang pendaftaran atas talian (<https://www.pustaka-sarawak.com/apps/ppps2020/>)

### TEMA PERTANDINGAN

1. Tema bagi Pertandingan Penyelidikan & Penulisan Sejarah adalah  
  
**“SARAWAK CEMERLANG”**

Tema ini meliputi perkembangan Sarawak dalam sesuatu bidang seperti infrastruktur Sarawak dalam tahun 60an – 70an, 80an – 90an dan 2000 sehingga sekarang; sumbangan rakyat tempatan Sarawak dalam memajukan dan menaikkan nama Sarawak; dan lain-lain topik berkaitan.

### SYARAT PERTANDINGAN

1. Penulisan yang dihasilkan untuk pertandingan ini **hendaklah karya asli peserta dan tidak pernah diterbitkan**.
2. **Tiada had untuk penyertaan pertandingan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak karya penulisan.**
3. Peserta boleh menggunakan **Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris**.
4. **Peserta dikehendaki merakamkan perbualan dengan informan (orang yang ditemubual) selama 10 minit sahaja.**

5. **Soalan temubual perlu disediakan lebih awal** supaya ia boleh ditanya terus kepada informan.
6. **Soalan temubual mestilah mempunyai ciri-ciri sejarah** contohnya sumbangan informan di dalam sesuatu peristiwa penting di dalam hidupnya. Adalah digalakkan peserta menemubual ahli keluarga sendiri memandangkan kita berada di dalam keadaan Pergerakan Kawalan Peringkat Pemulihan (PKPP).
7. **Jenis-jenis temubual iaitu bersemuka** (sekira peserta diam serumah dengan informan) atau melalui telefon atau emel atau berbual atau bermesej/whatsapp.
8. **Temubual dengan ahli keluarga sendiri adalah dibenarkan** memandangkan PKPP masih berkuatkuasa.
9. **Semua jenis temubual iaitu bersemuka atau melalui telefon atau emel atau berbual atau bermesej/whatsapp. hendaklah disertakan ketika menghantar penulisan/pelaporan.**
10. Selepas rakaman selesai, **peserta dikehendaki untuk menaip semula sesi perbualan di dalam bentuk penulisan atau pelaporan.**
11. **Penulisan atau pelaporan mestilah berbentuk penceritaan semula.**
12. **Jumlah perkataan adalah 900 patah perkataan.**
13. **Segala kos pelaksanaan penyelidikan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.**
14. Pihak pengajur **berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap** dan penyertaan yang dihantar selepas dari tarikh tutup penyertaan.
15. **Keputusan Pihak Pengajur dan panel juri adalah MUKTAMAD** dan **sebarang surat menyurat dan segala bentuk komunikasi tidak akan dilayan.** Pihak Pengajur berhak untuk membatalkan keputusan pemenang yang didapati melanggar syarat-syarat dan terma pertandingan tanpa perlu memberi sebarang notis kepada mana-mana pihak.
16. **Panel juri berhak untuk menyingkir sesuatu hasil karya penulisan yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama dan fahaman.**
17. Hasil karya penulisan / laporan hendaklah dihantar kepada pihak pengajur dalam format **PDF.**

## **HAK MENGGUNA**

1. Peserta berhak mengekalkan hak milik ke atas hasil karya yang dipertandingkan, namun peserta hendaklah bersetuju untuk memberi hak mutlak kepada Pihak Penganjur PUSTAKA NEGERI SARAWAK untuk mengguna, menghasilkan semula, menyunting, mempamer, menyiaran, menjadikannya sebagai sumber, mengubahsuai, dan menerbit ke seluruh dunia dan untuk apa-apa tujuan, yang tidak boleh ditarik balik, berasutan, dan bebas dari sebarang royalti.
2. Peserta tidak dibenarkan untuk memperniaga hasil karya untuk apa-apa tujuan melainkan pemenang keseluruhan pertandingan telah diumumkan oleh pihak penganjur.
3. Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan hasil karya yang telah dihantar untuk penyertaan kepada pihak penganjur tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan yang lain.

## **HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

1. **Hadiyah Utama (Grand Prize): Huawei Matebook 13 Touch Screen**  
**Hadiah Pertama = RM500 x 2 orang = RM1,000**  
**Hadiah Kedua = RM400 x 2 orang = RM800**  
**Hadiah Ketiga = RM300 x 2 orang = RM600**  
**Hadiah Keempat = RM200 x 2 orang = RM400**  
**Hadiah Sagu hati = RM100 x 20 = RM2,000**
2. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah bersetuju bahawa jika dipilih sebagai pemenang, nama peserta boleh didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga oleh Pihak Penganjur semasa menyediakan senarai nama-nama pemenang apabila diminta.

## **PINDAAN TERMA & SYARAT PERTANDINGAN**

1. Pihak pengajur **berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa**, sekiranya perlu.

## **PERTANYAAN**

1. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

**Nur Faziella Syazmeen Hasli  
Pustakawan**

Pustaka Negeri Sarawak, Sibu  
Jalan Tun Tuanku Bujang, Sungai Merah  
96000 Sibu, Sarawak  
Email: [nurfaziel@sarawak.gov.my](mailto:nurfaziel@sarawak.gov.my)

**Nur Amanina Mastani  
Pustakawan**

Pustaka Negeri Sarawak, Sibu  
Jalan Tun Tuanku Bujang, Sungai Merah  
96000 Sibu, Sarawak  
Email: [nuraman@sarawak.gov.my](mailto:nuraman@sarawak.gov.my)